

## Penguasaan kosa kata kerja Bahasa Arab berasaskan “Maza taf’al”

Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar<sup>1,a</sup>, Azman Che Mat<sup>2</sup>,  
Ahmad Zufadhli Nokman<sup>3</sup>, Nor Shaifura Musilehat<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

<sup>a</sup>ahmad1183@tganu.uitm.edu.my

**Kata kunci:** penguasaan; kosa; kata kerja; Bahasa Arab; maza taf’al

**Abstrak.** Kejayaan mengenali dan menggunakan kata kerja (KK) dengan tepat merupakan asas penting untuk menguasai Bahasa Arab (BA) dengan cemerlang. Berasaskan produk kreatif “*Maza taf’al*”, kajian ini akan dapat menentukan tahap penguasaan pelajar terhadap KK Arab dan seterusnya memberikan kemahiran kepada mereka bagaimana untuk memonopulasikan KK untuk kecemerlangan dalam BA sepenuhnya. Perkara ini adalah kerana KK kala lampau merupakan kata dasar BA yang boleh dikembangkan dalam pelbagai bentuk kata dan makna. Kepelbagaian pola yang ada pada KK bukan sahaja perlu dihafal bahkan perlu difahami langkah-langkah setiap pertukaran bentuk yang berlaku kerana setiap perubahan bentuk kata akan mengundang perubahan makna. Namun begitu ketakutan dan kesukaran pelajar untuk menguasainya sangat tinggi. Masalah ini perlu diatasi dengan membina alat bantu mengajar (ABM) seumpama produk “*Maza taf’al*” untuk memberi semangat dan kesan positif dalam pembelajaran BA. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual sebagai metodologi kajian. Dapatan kajian awal ke atas 24 orang pelajar menunjukkan mereka semakin berminat, ceria dan cepat menguasai bentuk dan makna setiap KK yang digunakan. Hal ini menjadikan pembelajaran BA dengan menggunakan ABM *Maza taf’al* secara individu atau berkumpulan adalah sesuatu yang menyeronokkan.

### Pendahuluan

KKBA mempunyai bentuk yang sangat banyak. Bentuk-bentuk ini adalah tercipta daripada dimensi yang pelbagai. Terdapat tiga pola KK bagi huruf binaan sahah dan lima pola bagi huruf binaan ‘illah. Dari segi masa terdapat tiga pecahan besar yang mana setiapnya akan berubah bentuk sekiranya disandarkan kepada 14 kata ganti nama diri yang tertentu. Namun begitu terdapat juga tiga bentuk KK lain jika dilihat daripada dimensi jumud dan dua bentuk KK pada dimensi kemampuan berubah. Daripada dua bentuk asal KK menjadi 15 pola baru berimbunan. Perubahan juga berlaku apabila dilihat pada dimensi aktif dan pasif serta ketransitifan KK terhadap objek penyambut.

Perubahan yang kecil boleh memberi makna yang bertentangan, contohnya قَسَطٌ bermaksud zalim, manakala أَقْسَطٌ bermaksud adil (Muhammad: 2001). Perkara ini mengelirukan pada pembacaan, kefahaman dan terjemahan ke Bahasa Melayu. Morfologi BA sebenarnya suatu ilmu yang agak kompleks dan rumit yang kerap kali membingungkan pengkaji BA. Biasanya mereka berhenti separuh jalan atas alasan bahasa tersebut semakin lama semakin sukar difahami (Syed Nasir: 2010). Morfologi Arab merupakan tapak asas kepada ilmu tafsir, fekah, sastera dan lain-lain lagi (Ahmad Fakrulazizi: 2011). Justeru itu, kaedah terkini dan pelbagai wajar dibina bagi melahirkan pelajar yang boleh menguasai BA dengan berkesan (Azlan: 2007).

Kemunculan produk inovasi “*Maza Taf’al*” yang mendapat pingat gangsa dalam pertandingan inovasi pembelajaran BA 2015 diharapkan dapat membantu pelajar dengan lebih berkesan. Produk Madha Taf’al telah dicipta setelah melihat kesukaran pelajar untuk mengenali dan menguasai KKBA. Variasi pola KKBA dan perubahan bentuk yang pelbagai menjadi faktor utama kepada kesukaran itu. Produk ini dapat membantu pelajar menguasai KK yang ada di dalam buku teks dan memberikan kefahaman dan keseronokan dalam proses pembelajaran secara berkumpulan.

Perkara ini menepati Nor Shaifura et. al (2017) yang menggesa pelajar tidak harus memfokuskan teknik hafalan mereka hanya kepada teknik pengulangan sahaja, bahkan mereka seharusnya mempelbagaikan teknik hafalan yang lain seperti mengguna pakai kaedah mnemonic dan lain-lain bagi membantu mereka memperoleh bahasa dengan lebih berkesan. Berdasarkan eksperimen yang dijalankan ke atas pelajar Universiti Teknologi MARA cawangan Terengganu yang mengambil kursus BA tahap satu, pihak pengkaji mendapati produk “*Maza taf’al*” ini mendapat maklum balas yang positif.

### Pernyataan Masalah

Ketakutan menghantui pelajar yang baru belajar BA, terutama apabila mereka didedahkan dengan keadaan KKBA yang rumit, kepelbagaian kala, aneka pola serta perubahan bentuk pada setiap kali pelaku bertukar. Tambahan pula mereka belum dapat membezakan KK dan kata nama dengan baik serta tidak mengetahui makna-makna perkataan Arab.

Mereka tidak suka menghafal kaedah yang diajar, kerap lupa dan keliru dengan keadaan dan pecahan KKBA. Situasi ini memberikan tekanan kepada pelajar. Justeru itu, pembelajaran secara santai dan mudah perlu difikirkan bagi menyuntik semangat baru.

Dzulkifli et al (2016) menggariskan antara faktor yang menentukan proses hafalan berjaya ialah mempraktikkan teknik-teknik tertentu seperti selalu membuat latihan dan pengulangan, mempunyai motivasi yang tinggi, disiplin diri yang mantap selain mempunyai kebolehan sendiri dan matlamat yang jelas. Guru mata pelajaran BA dan nahu BA mungkin tidak menyedari tentang pendekatan, kaedah atau teknik yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu nahu BA. Akibatnya, guru mungkin menggunakan pendekatan, kaedah atau teknik yang tidak sesuai dengan kehendak dan tahap pelajar (Mohd Hafizuddin 2013).

### Metodologi Kajian

Oleh kerana kajian ini bersifat kajian awal, maka bilangan responden yang terlibat adalah tidak mewakili populasi sebenar sampel kajian. Namun begitu pihak penyelidik percaya dapatan daripada kajian ini dapat memberi gambaran awal kepada kajian yang lebih besar. Metodologi kajian adalah kualitatif dengan menggunakan teknik temubual berstruktur dan ujian. Eksperimental adalah dengan menguji ABM “*Maza taf’al*” dan menilai keberkesannya terhadap pelajar sebelum dan selepas penggunaannya.

Responden temubual adalah seramai empat orang yang terdiri daripada seorang pelajar lelaki dan tiga orang pelajar perempuan yang merupakan wakil kepada setiap kumpulan pelajar. Manakala responden soal selidik berjumlah 24 orang iaitu 21 orang perempuan dan tiga orang lelaki. Mereka semua belum pernah belajar BA melainkan 10 orang pelajar perempuan daripada mereka pernah mempelajari BA sebelum ini.

### Analisis Data dan Dapatan

Analisis kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS.

Jadual 1: Latar belakang responden mengikut jantina dan pembelajaran BA

Jantina	Pernah Belajar BA		Total
	Ya	Tidak	
Lelaki	0	3	3
Perempuan	10	11	21
Total	10	14	24

Responden soal selidik berjumlah 24 orang iaitu 21 orang perempuan dan tiga orang lelaki. Mereka semua belum pernah belajar BA melainkan 10 orang perempuan sahaja yang pernah mempelajari BA sebelum ini.

Jadual 2: Pandangan pelajar terhadap reka bentuk

Bil	Item	N	Min	Mak	Mean	Sish Piawai
1	Saya dapati konsep kotak sesuai dengan jiwa saya	24	2.00	5.00	3.6250	.92372
2	Saya merasakan bentuk permainan bahasa ini menarik.	24	3.00	5.00	3.7917	.72106
3	Saya tertarik dengan paparan yang disediakan	24	2.00	5.00	3.5000	.88465
4	Saya rasa bentuk ini sesuai dengan tahap pengajian saya	24	1.00	5.00	3.2500	.98907
5	Saya dapati rekabentuk ini membantu kosa kata BA saya	24	2.00	5.00	3.3750	.92372
6	Saya menyukai warna yang digunakan	24	3.00	5.00	3.7917	.83297
7	Saya dapat membezakan bentuk kosa kata BA	24	2.00	5.00	3.1667	.86811
8	Saya yakin reka bentuk ini merangsang minda saya	24	2.00	5.00	3.3333	.81650
9	Saya merasakan bentuk ini membantu fokus saya	24	2.00	4.00	3.5833	.58359
10	Saya cadangkan reka bentuk ini diubah	24	2.00	4.00	3.0417	.75060

Jadual 2 tentang pandangan pelajar terhadap reka bentuk produk “Maza taf’al” menunjukkan dapatan positif apabila item ‘saya cadangkan reka bentuk ini diubah’ merupakan skor yang paling rendah iaitu 3.0417. Manakala skor 3.7917 adalah skor tertinggi bagi item ‘saya merasakan bentuk permainan bahasa ini menarik’ dan item ‘saya menyukai warna yang digunakan’.

Jadual 3: Kesan Penggunaan Terhadap Pelajar

Bil	Item	N	Min	Mak	Mean	Sisih Piawai
1	Saya mempelajari pola KKBA	24	2.00	5.00	3.2500	.73721
2	Saya mempelajari makna kosa kata kerja	24	2.00	5.00	3.5000	.78019
3	Saya mempelajari penggunaan ganti nama dalam kata kerja	24	2.00	5.00	3.5833	.88055
4	Saya mempelajari aspek kala dalam kata kerja	24	2.00	5.00	3.3750	.76967
5	Saya mempelajari bentuk bilangan dalam kata kerja	24	2.00	5.00	3.4167	.82970
6	Saya mempelajari perbezaan jantina pelaku kata kerja	24	2.00	5.00	3.7500	.89685
7	Saya mempelajari sebutan KK yang betul	24	3.00	5.00	3.7500	.73721

Dapatan cemerlang juga diperolehi daripada data statistik tentang kesan penggunaan Maza Taf’al terhadap pelajar. Item ‘saya mempelajari perbezaan jantina pelaku kata kerja’ dan item ‘saya mempelajari sebutan KK yang betul’ adalah merupakan skor purata yang tertinggi iaitu 3.7500. Manakala skor yang paling rendah ialah pada item ‘saya mempelajari pola KKBA’ iaitu 3.2500. Kesimpulannya adalah penggunaan ‘Maza taf’al’ ini memberikan kesan yang baik kepada para pelajar.

#### Perbincangan

Pendekatan pengajaran BA dengan menggunakan ‘Maza taf’al’ boleh menjadi pilihan yang baik kerana kos dan bahannya yang murah serta kandungannya boleh diubah suai mengikut kesesuaian silibus. Permainan santai ini boleh dilakukan secara berkumpulan atau secara individu dan akan mengambil masa selama dua jam beserta dengan penerangan dan keputusan akhir. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang terlibat menggunakan produk ini berpendapat bahawa mereka dapat menguasai KKBA dengan lebih mudah dan seronok.

#### Penutup dan Cadangan

Walaupun pencapaian pelajar dalam pembelajaran BA sebagai bahasa ketiga di UiTM dilihat berada pada tahap sederhana. Namun, penekanan kepada penguasaan KK akan dapat membantu pelajar menguasai glosari BA dengan cepat. Inovasi pada alat bantu mengajar dapat menyelesaikan kesukaran pelajar dalam memahami kata kerja. Glosari KK yang teratur mengikut acuan “maza taf’al” memudahkan pelajar menguasai BA.

Produk “Maza taf’al” ini sebenarnya berasaskan konsep dan bukan kandungan semata-mata. Oleh itu, konsep santai dan berinformatif ini boleh digunakan dalam aplikasi elektronik jika mempunyai geran penyelidikan yang bersesuaian pada masa depan.

#### Perakuan

Kertas kerja ini di bawah pembiayaan geran Academic Research and Assimilation (ARAS) daripada Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI), Universiti Teknologi MARA sebanyak RM10,000. Kod Projek (600-IRMI/DANA 5/3/ARAS 0048/2016)

#### Rujukan

- Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar. (2011). Analisis Morfologi Kata Kerja Bahasa Arab Dalam Surah Al-Waqi’ah. Tesis MA Universiti Malaysia Terengganu.
- Azlan Abd. Rahman. (2007). Masdar Bahasa Arab: Fungsi & Penggunaan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Dzulkifli M. A., bin Abdul Rahman, A.W., Badi, J. A. B., & Solihu, A. K. H. (2016). Routes to Remembering: Lessons from al-Huffaz. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3 s1), 121.

Mohd Hafizuddin Mohd Sidek. (2013). Penguasaan Kemahiran Fleksi (I’rab) Dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia di Terengganu. Tesis MA Universiti Sultan Zainal Abidin.

Muhammad al-Mukhtar Muhammad al-Mahdi. (2001). *al-Nahwu wa al-Sarf fi Khidmah al-Nas al-Qur’ani: Abhath wa Qadhaya Lughawiyah*. Kaheerah: American Open University.

Nor Shaifura Musilehat, Azman Che Mat, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Ahmad Zulfadhi Nokman & Ahmad Nazuki Yaacob. (2017). Pemerolehan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga Melalui Kaedah Hafalan dalam Kalangan Pelajar UiTM. *E-Proceedings of the 4th International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization 2017*. Kuala Lumpur.

Syed Nasir Omar Assagoff. (2010). *Cara Mudah Memahami Perkataan-perkataan Al-Quran*. Selangor: Hijjaz Records Publishing.